

Peranan Negara dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai Perlindungan Sosial Golongan Rentan

The Role of the State in the Employees Provident Fund (EPF) as Social Protection for Vulnerable Groups

SITI NORAYU WALUYOB & MUHAMAD AZWAN ABD RAHMAN*

*Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Corresponding author: azwanrahman@ukm.edu.my

Received: 02 January 2026 Accepted: 28 April 2026

Abstrak

Dalam kerencaman arus globalisasi yang sarat dengan ketidakpastian ekonomi dan tekanan kos sara hidup, sistem perlindungan sosial menjadi benteng utama kesejahteraan rakyat. Di Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berdiri sebagai tonggak penting yang bukan sahaja menjamin simpanan persaraan, malah berfungsi sebagai penampan risiko sosial ketika krisis melanda. Artikel ini menghujahkan peranan negara berkembang dalam membentuk, mengurus dan memperkukuh KWSP sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi yang mampan. Berasaskan pendekatan kualitatif dan analisis tematik terhadap data primer serta sekunder, kajian ini menelusuri faktor-faktor yang mempengaruhi evolusi KWSP dalam konteks perubahan struktur ekonomi, dinamik pasaran buruh dan cabaran keadilan sosial. Dapatan menunjukkan KWSP telah mengalami transformasi signifikan melalui inovasi seperti Akaun Fleksibel dan pelbagai skim khas semasa pandemik COVID-19, yang mencerminkan keanjalan institusi terhadap realiti kehidupan rakyat berpendapatan rendah dan golongan rentan. Malah, kefungsi KWSP berperanan sebagai tiang seri dalam merangka pendekatan baharu bagi memperkukuh keberkesanan sistem perlindungan sosial negara. Kajian ini menegaskan bahawa negara memainkan peranan strategik sebagai pelindung, penyelarasan dan pemangkin pembangunan dalam memastikan sistem perlindungan sosial kekal inklusif, adaptif dan berdaya tahan. Persisnya, penekanan turut diberikan kepada keperluan mewujudkan keseimbangan yang lestari antara pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan ketahanan jangka panjang negara. Justeru, reformasi dasar dan struktur yang lebih holistik dicadangkan bagi memperkukuh peranan KWSP sebagai pemangkin kesejahteraan sosial dan penstabil antara matlamat ekonomi serta keadilan sosial nasional.

Kata kunci: Perlindungan Sosial; Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); Peranan Negara; Golongan Rentan; Pembangunan Sosioekonomi

Abstract

Amid the complexities of globalization, laden with economic uncertainty and mounting living costs, social protection systems have become the foremost bulwark of citizens' well-being. In Malaysia, the Employees Provident Fund (EPF) stands as a vital pillar not only ensuring retirement savings but also acting as a buffer against social risks during times of crisis. This article argues the role of the state has evolved in shaping, managing, and strengthening the EPF as a sustainable instrument of

socio-economic development. Using a qualitative approach and thematic analysis of both primary and secondary data, the study examines the factors driving the EPF's evolution amid structural economic shifts, labour market dynamics, and social equity challenges. Findings indicate that the EPF has undergone significant transformation through innovations such as the Flexible Account and special withdrawal schemes during the COVID-19 pandemic, reflecting institutional adaptability to the realities faced by low-income and vulnerable groups. Indeed, the EPF's functional capacity underpins efforts to develop new frameworks that reinforce the effectiveness of social protection mechanisms. The paper underscores the state's strategic role as a protector, coordinator, and enabler in ensuring that the social protection system remains inclusive, adaptive, and resilient. In particular, attention is directed towards the need to establish a sustainable equilibrium between economic growth, social well-being, and the country's long-term resilience. Hence, it calls for comprehensive policy and structural reforms to reinforce the EPF's role as a catalyst for social well-being and a balancing force between economic growth and social justice.


Keywords: Social Protection; Employees Provident Fund (EPF); Role Of The State; Vulnerable Groups; Socio-Economic Development

Pengalanan

Perlindungan sosial merupakan manifestasi hak asasi manusia yang menjamin keadilan, maruah dan kesejahteraan hidup bagi menghadapi cabaran semasa. Konsep perlindungan sosial bukan sekadar dasar ekonomi, tetapi tanggungjawab negara yang diiktiraf antarabangsa melalui Artikel 22 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948¹ dan Konvensyen Keselamatan Sosial (Standard Minimum), 1952.² Justeru, pengukuhan sistem perlindungan sosial wajar menjadi asas penting dalam merealisasikan hak asasi manusia secara konkrit dan responsif. Menurut Brunori & O'Reilly³ dan Rajan & Prasad,⁴ landskap keselamatan sosial kini sedang melalui transformasi mendalam yang menuntut mekanisme inovatif agar lebih berkesan dan inklusif, khususnya kepada golongan rentan. Jelas Devereux & Sabates-Wheeler⁵ dan Masanyiwa, Mosha & Mamboy,⁶ perlindungan sosial bukan sahaja mengurangkan kesan kejutan terhadap isi rumah, tetapi juga menjadi asas pembangunan sosioekonomi dengan melibatkan intervensi awam dan swasta untuk mengurus risiko dan memastikan kualiti hidup minimum rakyat terjamin. Dalam konteks global, Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals-SDGs*) mengukuhkan komitmen ini dengan menekankan peranan perlindungan sosial sebagai pemacu perlindungan sosial dalam mengurangkan kemiskinan⁷ serta menggalakkan pembangunan inklusif.⁸

Berdasarkan penelitian *International Labour Organization*, arus global antara tahun 2013 hingga 2023 khususnya di negara-negara berpendapatan tinggi menunjukkan perkembangan positif dalam usaha memperluas dan mengukuhkan liputan serta jaringan bantuan sosial. Namun begitu, jurang ketidaksetaraan masih ketara. Negara berpendapatan rendah terus mencatat kelembapan kadar liputan dan menonjolkan isu capaian yang tidak seimbang merentas tahap pendapatan. Manakala, dari perspektif geografi, analisis menunjukkan masih wujud jurang kewilayahan yang menjejaskan kebolehcapaian perlindungan sosial. Keadaan ini menunjukkan bahawa peningkatan liputan secara keseluruhan tidak semestinya diterjemahkan kepada keadilan agihan bantuan, khususnya bagi golongan rentan di kawasan yang paling kurang mendapat akses. Mutakhir, *The Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP)*⁹ menjelaskan, sungguhpun banyak negara telah mengambil langkah untuk memperkukuh sistem perlindungan sosial sedia ada, sebahagiannya masih berdepan cabaran besar dalam mencapai sasaran SDG.

Di rantau Asia Tenggara termasuk Malaysia, perlindungan sosial merupakan komponen penting dalam strategi pembangunan negara. Umumnya, sistem perlindungan sosial terbahagi kepada tiga kategori iaitu insurans sosial, bantuan sosial serta program pasaran buruh aktif dan sepadan¹⁰. Seiring dengan kerangka tersebut, sistem perlindungan sosial di Malaysia dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu jaringan keselamatan sosial, insurans sosial dan dasar pasaran pekerja aktif.¹¹ Manakala, Khazanah Research Institute (KRI) mengkategorikan perlindungan sosial kepada dua komponen iaitu jaminan sosial yang terbahagi kepada dua bentuk bantuan iaitu bantuan sosial yang dibiayai melalui percukaian dan insurans sosial dibiayai melalui caruman dan perkhidmatan sosial.¹² Menjunjung prinsip mencegah, melindungi dan memperkasa, maka kementerian, agensi dan badan dipertanggungjawabkan mendukung dan melaksanakan sistem perlindungan sosial ini berdasarkan kefungsian masing-masing. Justeru, dapat dirumuskan sistem perlindungan sosial di Malaysia mengikut struktur kategori seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Rumus sistem perlindungan sosial di Malaysia mengikut struktur kategori.

Sumber: Disintesisikan oleh pengkaji, 2025.

Sejak merdeka, Malaysia telah memberi penekanan terhadap dasar pembangunan inklusif yang bertujuan merapatkan jurang pendapatan dan memperkukuh kesejahteraan rakyat melalui pelbagai mekanisme sosial.¹³ Antaranya, seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (1951), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) (1971) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) (1972).¹⁴ Evolusi dasar perlindungan sosial negara memperlihatkan peralihan daripada campur tangan langsung kerajaan kepada pendekatan berasaskan pasaran dan liberalisasi. Peralihan ini mencerminkan adaptasi berterusan terhadap tekanan globalisasi serta perubahan struktur ekonomi dan pasaran buruh.¹⁵ Namun, pelaksanaan sistem ini masih berdepan cabaran seperti pertindihan program, liputan tidak menyeluruh dan kekangan fiskal.¹⁶ Oleh itu, perlindungan sosial dalam perkembangan terkini perlu dilihat bukan sekadar sebagai jaringan keselamatan, tetapi sebagai instrumen pembangunan mampan yang berfungsi mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan keadilan sosial.

Dalam konteks ini, KWSP menonjol sebagai mekanisme perlindungan sosial yang mencerminkan teori peranan negara dalam mengurus risiko sosial rakyat. Teori ini berperanan sebagai alat hurai untuk menganalisis fungsi KWSP yang dapat dikaitkan kepada dua ciri utama iaitu (i) negara sebagai aktor pembangunan dan; (ii) masyarakat berisiko khusus kepada golongan rentan yang membentuk reaksi kesan dan akibat (*cause and effect*). Sejak ditubuhkan pada tahun 1951, KWSP telah melalui pelbagai fasa transformasi dasar yang mencerminkan tindak balas negara terhadap perubahan ekonomi, demografi dan sosial. Peranannya telah berkembang daripada sekadar tabung simpanan persaraan kepada institusi dinamik yang melaksanakan fungsi perlindungan, pengagihan dan pembangunan. Kedinamikan produk KWSP terserlah dalam inisiatif akaun khas seperti i-Lestari,

i-Citra dan i-Suri yang membantu penjarum menghadapi kejutan ekonomi. Justeru, artikel ini menghujahkan faktor-faktor yang mendorong evolusi sistem perlindungan sosial, khususnya KWSP di Malaysia, serta menilai sejauh mana faktor tersebut mencerminkan perubahan peranan negara dalam memperkukuh KWSP sebagai penampas risiko sosial. Analisis ini penting bagi memahami peranan negara memperkukuh tanggungjawab sosialnya melalui KWSP dalam memastikan kesejahteraan dan daya tahan sosioekonomi rakyat secara mampan.

Kemudiannya, hubungkait ini dapat difahami melalui perspektif pembangunan sebagai kebebasan, yang menekankan tuntutan intervensi negara melalui KWSP berupaya meningkatkan kebebasan (*freedom*) ekonomi serta keupayaan (*capabilities*) individu dalam menghadapi risiko sosioekonomi. Arakian, untuk memahami kedinamikan evolusi sistem perlindungan sosial di Malaysia, konsep *longue durée* digunakan untuk menelusuri transformasi struktural sosioekonomi dan pembangunan dalam konteks Malaysia. Naratif ini meneroka peranan kritikal sistem perlindungan sosial dalam membentuk trajektori sosioekonomi Malaysia, meneliti pencapaian, cabaran dan pembaharuan yang telah mentakrifkan evolusinya selama beberapa dekad.

Beberapa pengalaman dan amalan global serta serantau turut disimpulkan dalam hubungkait pembangunan melalui landskap perlindungan sosial. Oleh itu, dengan memahami gambaran mengenai komitmen Malaysia terhadap kebajikan sosial, ia telah menjadi asas kepada gerak daya peranan negara ke arah pembangunan mampan demi kesejahteraan masyarakatnya yang pelbagai dapat digarap secara eksklusif. Menerusi alat hurai peranan negara, muncul pertanyaan imperatif dalam artikel ini tentang penilaian semula fungsi negara sebagai pelindung (*protector*), penyelarass (*coordinator*), dan pemangkin pembangunan (*enabler*) dalam sistem perlindungan sosial moden.


Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat penerokaan melalui dua sumber utama, iaitu primer dan sekunder. Bagi sumber primer, temu bual mendalam dengan kaedah separa berstruktur telah dijalankan ke atas dua informan yang mewakili sektor politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Bagi memperkayakan data, Perbincangan Kumpulan Tumpu (PKT) homogen juga dilaksanakan. PKT ini melibatkan pelajar Malaysia di Jerman dan pelajar Jerman sebagai perbandingan silang budaya. Kaedah ini memberikan dimensi perbandingan yang memperkukuh pemahaman dan ketepatan interpretasi dapatan kajian.

Sumber sekunder pula, pengkaji mengumpul dan memperoleh data daripada bahan kepustakaan seperti buku, jurnal, artikel, ucapan rasmi dan laporan berkaitan. Semua data kualitatif dianalisis menggunakan analisis tematik berpandukan enam fasa yang merangkumi proses melazimkan diri dengan data, penjanaan kod awal, pencarian tema, semakan tema, penentuan serta penamaan tema, dan penulisan laporan.¹⁷ Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji berinteraksi secara lebih mendalam dengan data, meneliti makna intipati dapatan secara mendalam serta mengekalkan ketelusan konsep sepanjang proses analisis.

Bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan, strategi triangulasi sumber digunakan dengan menggabungkan data daripada informan, PKT dan dokumen sekunder. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kredibiliti dapatan, malah memperkukuh interpretasi mengenai interaksi antara peranan KWSP dan dasar perlindungan sosial negara dalam menangani cabaran kos sara hidup serta kesejahteraan rakyat. Pelaksanaan kajian ini diperincikan dalam Rajah 2.

Peranan Negara dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)



Rajah 2: Pengaplikasian prosedur pelaksanaan kajian.

Sumber: Disintesis oleh pengkaji, 2024.

Meninjau Peranan Negara dalam Pembangunan Sebagai Analisis Tematik Perlindungan Sosial di Malaysia

Pengalaman Global dan Kedudukan Malaysia dalam Amalan Perlindungan Sosial Serantau

Keberkaitan erat antara pembangunan dan sistem perlindungan sosial memperlihatkan peranan kritikal sistem ini dalam merapatkan jurang serta mempertingkatkan prestasi pasaran buruh. Secara ideal dan realistiknya, perlindungan sosial jelas berupaya meredakan masyarakat berisiko terhadap dinamik globalisasi dan ketidakpastian dan meningkatkan keupayaan mengurus cabaran ekonomi dan sosial. Pengalaman global telah menyerlahkan pembuktian pentingnya sistem perlindungan sosial dalam menangani kemiskinan, kelemahan, dan keterasingan sosial masyarakat keseluruhannya. Penekanan dan liputan komprehensif serta formula pendekatan disesuaikan mengikut geopolitik negara, struktur ekonomi dan keperluan sosial berpaksi kepada keutamaan dan kekayaan sumber sedia ada. Sebagaimana dilaporkan dalam *World Social Protection Report 2020–22 - ILO Flagship Report* oleh *International Labour Organization*,¹⁸ lebih banyak negara telah melaksanakan sistem perlindungan sosial yang berkesan mengikut jajaran SDG1: Sifar Kemiskinan. Usaha ini memberi kesan positif kepada pengurangan kemiskinan dan ketidaksetaraan sosial.

Dalam kajian UI Mustafa et al.,¹⁹ amalan sistem perlindungan sosial adalah berbeza-beza di seluruh dunia. Ia dipengaruhi oleh tahap pembangunan ekonomi, struktur politik dan konteks sosial negara mengikut keutamaan. Kemudian, berdasarkan laporan *International Labour Organization*,²⁰ banyak negara-negara di seluruh dunia yang disenaraikan boleh dijadikan sumber inspirasi dalam konteks pengukuhan sistem perlindungan sosial khususnya dari segi landskap negara maju (*developed countries*), membangun (*developing countries*) dan kurang membangun (*under-developed countries*). Arup Banerji et al.²¹ dan Bender et al.,²² berhujah bahawa sistem perlindungan sosial di negara membangun sedang berkembang dengan lebih baik walaupun tidak menyeluruh seperti di negara maju. Sementara itu, Gerard et al.²³ menjelaskan negara kurang maju berdepan cabaran besar dalam membina sistem perlindungan sosial yang komprehensif. Hal ini turut dibahas oleh Desai & Rudra²⁴ dan Ghai²⁵ bahawa kebanyakan negara ini dicirikan oleh kemiskinan yang meluas,

pengangguran yang tinggi dan perindustrian yang terhad. Persoalannya, bagaimana negara kurang membangun bertindak balas terhadap keperluan sistem perlindungan sosial?

Amalan sistem perlindungan sosial di negara-negara dalam rantau Asia mempamerkan kepelbagaian pendekatan serta mekanisme dibentuk oleh keunikan keupayaan ekonomi, politik dan cabaran sosial masing-masing. Di Asia, spektrum amalan perlindungan sosial sangat luas dengan pelbagai negara menyesuaikan pendekatan mengikut konteks tempatan. Sebagai contoh, di Asia Timur negara seperti Korea Selatan dan Jepun menurut Miura²⁶ dan Sunju Lee,²⁷ telah mengekalkan kemantapan sistem dengan menyediakan perlindungan komprehensif, termasuk penjagaan kesihatan, pencen dan insurans pengangguran. Tidak ketinggalan, negara-negara di Asia Tenggara turut melakarkan landskap yang memberangsangkan dalam konteks perlindungan sosial. Di Indonesia misalnya, pihak berkuasa berjaya menurunkan angka kemiskinan ekstrem daripada 19% pada tahun 2002 kepada 1.5% pada tahun 2022 melalui pertumbuhan ekonomi dan pengurusan perlindungan sosial yang baik.²⁸ Namun begitu, rancangan perpindahan ibu kota Indonesia dilihat berpotensi mewujudkan cabaran baharu antaranya berkaitan risiko eksploitasi pekerja, peningkatan jenayah rentas sempadan dan ketidakseimbangan pembangunan di wilayah sempadan.²⁹ Dalam konteks ini, ia turut memberi kesan kepada ekosistem perlindungan sosial penduduk setempat dan golongan marginal yang terkesan dengan perpindahan ibu kota Jakarta ke ibu kota baharu Kalimantan Timur.


Sementara itu, negara Asia Selatan seperti India dan Bangladesh masih berdepan cabaran untuk memperluas perlindungan sosial kepada populasi luar bandar yang besar. Contohnya di India, inovasi sistem biometrik Aadhaar digunakan bagi membantu meningkatkan akses dan kecekapan pengagihan manfaat.³⁰ Namun, liputannya masih belum merata di semua kawasan. Di Asia Barat, negara seperti Arab Saudi dan UAE yang memanfaatkan hasil kekayaan sumber mineralnya telah membiaya program kebajikan berskala besar. Impaknya, ia telah menjamin kesejahteraan rakyat dari segi penjagaan kesihatan, pendidikan dan perumahan bersubsidi percuma.³¹ Walau bagaimanapun, faedah ini menurut Amina Said Alsayyad³² selalunya tidak diberikan kepada pekerja ekspatriat. Keadaan ini menunjukkan bahawa struktur perlindungan sosial masih tidak sempurna kerana ia kekal terpecah-pecah dan tidak mencukupi, terutamanya bagi golongan yang berada di luar pasaran buruh formal.³³

Dalam konteks yang sama, Malaysia juga telah membangunkan sistem perlindungan sosial pelbagai bentuk, mekanisme dan pendekatan yang merangkumi insurans sosial, bantuan sosial dan program pasaran buruh yang aktif.³⁴ Di Malaysia, KWSP menjadi teras insurans sosial dengan menyediakan faedah persaraan dan hilang upaya.³⁵ Manakala PERKESO menawarkan perlindungan terhadap kecederaan pekerjaan. Dari segi bantuan sosial, program seperti Bantuan Sara Hidup (BSH) menyalurkan bantuan tunai kepada isi rumah berpendapatan rendah. Pada masa sama, dasar pasaran buruh aktif dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran, kebolehpasaran dan mengurangkan pengangguran.

Tuntasnya, amalan sistem perlindungan sosial di negara serantau menonjolkan interaksi kompleks sumber ekonomi, kualiti tadbir urus dan keutamaan sosial. Negara kaya mampu menyediakan sistem kebajikan yang meluas dan inklusif. Manakala negara membangun sering bergantung pada campur tangan yang disasarkan dan bantuan antarabangsa untuk menangani keperluan sosial yang mendesak. Menerusi premis tersebut ia berpadanan dengan dapatan Khazanah Research Institute (KRI)³⁶ bahawa keberkesanan sistem perlindungan sosial bukan sahaja tertakluk kepada keperluan pembiayaan yang mencukupi tetapi menuntut ketelusan dan kebertanggungjawaban tadbir urus untuk memastikan kejayaan memayungi kesejahteraan rakyat.

Respons dan Fungsi Mutakhir KWSP dalam Era Globalisasi Perlindungan Sosial dan Pembangunan Sosioekonomi Negara

Perkembangan sistem perlindungan sosial di Malaysia telah mengalami transformasi ketara dari semasa ke semasa, khususnya KWSP yang dapat dicerakinkan kepada empat fasa. Fasa 1 (1940–1970) menekankan perlindungan sosial asas dengan dasar ‘pecah dan perintah’ dan pendekatan laissez-faire. Dalam fasa ini, KWSP ditubuhkan sebagai satu bentuk struktur sistem insurans sosial. Fasa 2 (1971–1990) menyaksikan penubuhan institusi penting seperti PERKESO dan LTAT bagi memantapkan sistem perlindungan sosial. Fasa 3 (1991–2010) menandakan era reformasi dengan penubuhan KWAP dan pelaksanaan program Bantuan Sara Hidup (BSH) untuk golongan berpendapatan rendah. Fasa 4 (2011–kini) menekankan sistem perlindungan sosial semasa dengan pelaksanaan program bersasar, bantuan tunai, serta penstrukturan semula akaun KWSP, bagi menghadapi cabaran sosioekonomi moden.



Rajah 3: Fasa Perkembangan Sistem Perlindungan Sosial Malaysia.

Sumber: Disintesis dan pengkaji, 2025.

Menurut Mohamed Ali & A.N Azilah,³⁷ semasa kolonialisme berlangsung di Tanah Melayu, pembangunan sosial selepas Perang Dunia Kedua menumpukan negara kepada pemulihan infrastruktur dan ekonomi serta membina semula keharmonian etnik. Tujuan utama pembangunan ini adalah untuk memulihkan ekonomi tempatan dan memupuk keharmonian dalam kalangan etnik sebagai langkah awal membina semula masyarakat. Kemudiannya melewati penghujung 1950-an setelah merdeka, Malaysia mula mengembangkan dan meningkatkan sistem perlindungannya. Tempoh ini merupakan era terpenting bagi Malaysia kerana negara menghadapi cabaran dan peluang baharu yang muncul selepas kemerdekaannya pada tahun 1957. Negara sebagai aktor pembangunan mula memperkenalkan dasar dan program yang bertujuan untuk meningkatkan pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan perumahan untuk rakyat sebagai saringan perlindungan asas sosial. Inisiatif penting yang digerakkan pada tahun 1951 melalui penubuhan KWSP telah menjadi titik tolak kepada pembinaan sistem simpanan persaraan moden di Malaysia.³⁸

Seterusnya, tahun 1960-an menyaksikan beberapa lagi pembentukan elemen asas sistem perlindungan sosial. Mengambil perspektif pemeliharaan kebajikan umat Islam dalam usaha menunaikan fardu haji, tokoh ekonomi Melayu-Islam terkenal, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, mencetuskan idea ‘Rancangan Membaiki Ekonomi Bakal-bakal Haji’ pada 30

September 1959. Idea ini telah mendorong penubuhan institut kewangan Islam Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1963, yang kemudian diubah namanya kepada Lembaga Tabung Haji (TH) pada tahun 1995. Institusi ini terbentuk hasil gabungan antara Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji (PWSBH) dan Pejabat Urusan Hal Ehwal Haji.³⁹

Dalam konteks jaringan sistem perlindungan sosial menerusi ruang lingkup insurans sosial, negara menumpukan usaha kepada pengukuhan sektor awam dan swasta dengan menubuhkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada tahun 1971. Berbeza peranan dalam konteks perlindungan sosial di Malaysia, PERKESO menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja, meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan, serta memastikan pekerja yang tercedera atau kehilangan upaya menerima faedah keselamatan sosial mengikut kelayakan. Dari perspektif perkhidmatan awam, negara memperkukuh jaminan keselamatan sosial bagi sektor pertahanan dengan menubuhkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) pada Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101). Penubuhan badan berkanun ini menandakan langkah strategik negara dalam memperluas perlindungan sosial kepada pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta anggota kerahan sukarela melalui penyediaan skim simpanan persaraan yang sistematik dan terancang.⁴⁰ LTAT bukan sekadar berfungsi sebagai tabung simpanan, tetapi menjadi instrumen pembangunan sosioekonomi yang berperanan memastikan kestabilan kewangan pencarumnya, sama ada semasa dalam perkhidmatan mahupun selepas persaraan. Inisiatif ini mengubah pendekatan negara yang semakin progresif dalam menyeimbangkan tanggungjawab fiskal dengan keperluan sosial. Di samping itu, ia berhasil memperkukuh jaringan keselamatan ekonomi penjawat awam dalam sektor pertahanan sebagai sebahagian daripada agenda keselamatan sosial nasional yang lebih holistik.

Malaysia mula mengembangkan kerangka perlindungan sosialnya, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding tumpuannya terhadap pertumbuhan ekonomi. Abdul Rahman⁴¹ menjelaskan, bahawa perkembangan modenisasi dan transformasi urbanisasi telah membawa kepada transformasi sosial yang kompleks di mana corak penggunaan dan gaya hidup masyarakat dan kepenggunaan dipengaruhi kuat oleh perkembangan industri dan perdagangan di bandar-bandar besar yang mula muncul pesat. Menyedari akan kesan modenisasi dan perubahan struktural sosioekonomi negara yang mula beransur-ansur deras melemaskan masyarakat yang sedia ada terdedah kepada risiko kehidupan, pada tahun 1991 Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah menubuhkan Pusat Pungutan Zakat (PPZ). Insitusi ini berperanan sebagai institusi jaminan sosial khusus kepada masyarakat Islam dan amnya kepada semua lapisan masyarakat.⁴² Mengambil iktibar pengalaman sebelum ini, maka dasar sedia ada negara direkayasa semula dengan merangkumkan pengukuhan program-program perlindungan sosial berasaskan pembangunan masyarakat sebagai salah satu cabang pemacu pembangunan sosioekonomi negara.⁴³ Menerusi usaha ini, kerajaan ketika itu telah merangka Dasar Sosial Negara (DSN). DSN yang diluluskan oleh Kabinet pada 19 Februari 2003 dan diluncurkan secara rasmi pada 18 Ogos 2003 merupakan suatu dasar pembangunan sosial dengan matlamat mewujudkan masyarakat yang maju dan mapan, sosial, ekonomi dan teknologinya senada dengan Wawasan 2020.

Menyoroti landskap Malaysia, penghujung abad ke-20 dan awal abad ke-21 telah membawa cabaran baharu, seperti anjakan demografi dan globalisasi yang mendorong negara bertindak balas menerusi pembaharuan strategik untuk memastikan kemampanan dan keberkesanan sistem perlindungan sosial. Hal ini terbukti bahawa Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah berusaha menyesuaikan sistem perlindungan sosialnya untuk memenuhi keperluan masyarakat yang saling berubah-ubah. Negara menggabungkan pendigitalan dan teknologi untuk memudahkan proses dan meningkatkan kebolehcapaian. Dalam tempoh ini, tujuan utama sistem perlindungan sosial adalah untuk memenuhi keperluan segera dan menyediakan bantuan kepada masyarakat (rakyat) yang


terjejas akibat kegagalan tekanan ekonomi. Di bawah jaminan sosial, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada tahun 2012 bagi mengurangkan kemiskinan melalui pemberian bantuan kewangan yang disasarkan kepada isi rumah berpendapatan rendah.⁴⁴ Menurut statistik Kementerian Kewangan Malaysia,⁴⁵ bagi tempoh tujuh tahun (2012–2018) BR1M diperkenalkan. Program ini telah memberikan manfaat secara langsung kepada 4.7 juta isi rumah.

Fungsi semasa KWSP dalam kerangka insurans sosial di bawah payung sistem perlindungan sosial Malaysia dihuraikan melalui perbincangan tentang peranan, hala tuju, rasionalisasi, serta tindak balas KWSP terhadap beban kos sara hidup. Dimensi-dimensi ini digarap berlandaskan acuan dan prinsip peranan negara sebagai aktor pembangunan dan pemangkin kesejahteraan rakyat.

Peranan KWSP terhadap Golongan Rentan dalam Kerangka Kapitalisme

Sebagai salah satu daripada enam Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Investment Company*-GLIC), KWSP bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme jaminan dana persaraan rakyat, tetapi juga sebagai jentera pelabur utama dalam pasaran domestik. Kedudukan KWSP ini diujahkan oleh Gomez et al.⁴⁶ sebagai ciri kapitalisme negara (*state capitalism*) iaitu model pembangunan di mana negara secara aktif memanfaatkan entiti milik kerajaan bukan sahaja sebagai mekanisme kebajikan tetapi juga sebagai aktor ekonomi yang mengawal, mengagih dan memacu pertumbuhan modal nasional.

Dalam garapan landskap kapitalisme negara, KWSP berdepan dilema untuk sentiasa mengimbangi peranan berganda; sebagai instrumen perlindungan sosial yang menjamin tabungan persaraan rakyat dan sebagai aktor pelaburan strategik yang menyokong pembangunan ekonomi negara. Justeru, KWSP perlu menekankan tadbir urus pelaburan berhemat, pengurusan risiko inklusif dan penambahbaikan dasar bagi mengoptimumkan peluang serta mengawal risiko secara berkesan. Hubungan timbal balik antara simpanan, pelaburan, pulangan dan pengagihan semula menuntut KWSP kekal sebagai tiang seri perlindungan sosial, menyokong aspirasi negara untuk jaringan keselamatan sosial yang inklusif, mampan dan berdaya tahan.



Rajah 4: Hubungkait Peranan KWSP Dalam Kerangka Kapitalisme Negara.

Sumber: Disintesis oleh pengkaji, 2025.

Bertepatan dengan penekanan Suhaimi A.Samad,⁴⁷ salah satu cara sistem perlindungan sosial menyumbang kepada pembangunan adalah dengan mempertingkatkan modal insan yang dicapai melalui sokongan kepada golongan yang paling memerlukan. Pembentukan sistem perlindungan sosial yang dimaksudkan perlulah bersifat dinamik, berterusan dan inklusif misalnya, KWSP di

bawah insurans sosial. Menurut Negin et al.,⁴⁸ sistem perlindungan sosial yang inklusif, seperti KWSP, berfungsi memastikan individu daripada pelbagai latar belakang dan status sosioekonomi mempunyai akses yang sama kepada simpanan persaraan. Selain itu, faedah gantian pendapatan yang disediakan membantu mengurangkan kemiskinan dan menggalakkan keterangkuman kewangan. Namun, melihat kepada status semasa, matlamat KWSP yang ideal kini tidak begitu menunjukkan jaminan realiti sepertimana diilustrasikan dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1: Simpanan Ahli KWSP mengikut Kumpulan Tahap Simpanan (sehingga 31 Disember 2023)

Kumpulan Tahap Simpanan	Jumlah Ahli (Juta)	Simpanan (RM Bilion)	Purata Simpanan (RM)	Median Simpanan (RM)
B40	6.43	11.01	1713	1063
M40	6.43	180.23	28 032	20 660
T20	3.21	896.70	278 941	170 266
Jumlah	16.21	1087.94	67 686	10 898

Sumber: Diekstrak daripada KWSP, 2024.

Jadual 2: Tabungan Persaraan Mengikut Lingkungan Umur

Lingkungan Umur	Jumlah Ahli (juta)	Simpanan (RM Bilion)	Purata Simpanan (RM)	Median Simpanan (RM)
Bawah 25	1.92	10.91	5674	3372
25–29	2.24	36.95	16 505	9642
30–34	2.12	75.95	35 390	15 572
35–39	2.03	125.04	61 606	24 711
40–44	1.82	161.95	89 226	20 658
45–49	1.63	198.24	121 287	40 673
50–54	1.45	200.60	137 903	38 731
55–59	1.14	122.84	107 922	11 115
60–64	0.65	76.74	118 779	8122
65 dan ke atas	1.07	79.72	74 157	2400
Jumlah	16.07	1087.04	67 686	10 898

Sumber: Diekstrak daripada KWSP, 2024.

Jadual 1 menunjukkan wujudnya ketidaksetaraan sosioekonomi ketara dalam kemampuan menabung untuk persaraan. Analisis ini menunjukkan bahawa jurang pendapatan dan ketidaksetaraan sosioekonomi dalam sistem simpanan persaraan masih ketara, dengan golongan B40 dan M40 berisiko tinggi mengalami tekanan kewangan selepas bersara. Laporan “*The State of Households 2024*” (SoH 2024) garapan KRI⁴⁹ menegaskan, jelas terdapat jurang yang membimbangkan dalam tabungan persaraan dalam kalangan pencarum muda yang berisiko tinggi menghadapi cabaran kewangan selepas bersara. Sintesisnya, keadaan ini adalah pembuktian kelemahan ketara dalam soal kelompongan terhadap trajektori penstrukturan perlindungan sosial. Dalam perbandingan data di Jadual 2, menunjukkan bahawa purata simpanan ahli aktif berumur 54 tahun meningkat secara konsisten daripada RM134 095 pada tahun 2019 kepada RM154 366 pada tahun 2023. Perbezaan ini mencerminkan pertumbuhan tabungan persaraan, manakala purata simpanan ahli tidak aktif menurun daripada RM14560 (2019) kepada RM9770 (2023), menandakan kelemahan dalam kesinambungan

simpanan selepas tempoh bekerja.

Meskipun KWSP telah melaksanakan pelbagai transformasi dan inovasi dalam fungsinya, keberkesanan langkah-langkah ini bergantung kepada institusi menyesuaikan mekanisme perlindungan sosial dengan realiti semasa. Institusi perlu menghadapi perubahan struktur demografi, dinamika pasaran buruh yang kompleks dan ketidakpastian ekonomi global secara proaktif. Kelompondan yang telah diujahkan oleh Midgley⁵⁰ perlu diisi melalui intervensi dan kerjasama strategik bagi meningkatkan keberkesanan perlindungan sosial.

Tindak Balas Strategik KWSP dan Solusi Beban Kos Sara Hidup

Dari perspektif sistem perlindungan sosial di Malaysia, negara bertindak balas terhadap krisis tidak terjangka akibat pandemik dan kesan ekonominya. Respon ini memperlihatkan kefungsiian negara sebagai aktor utama memainkan peranannya untuk memenuhi kepentingan rakyat.⁵¹ Idealnya, peranan negara mendominasi perihal perlindungan sosial dengan objektif kesetaraan dan keseimbangan manfaat ekonomi kepada setiap lapisan kelas sosial dalam masyarakat Malaysia. Namun, makna sebenar perlindungan sosial semakin terhakis apabila pelbagai inisiatif berjangka pendek diperkenalkan seperti tabungan dan insurans serta bantuan tunai seperti BR1M dan BSH yang mana semakin bersifat sementara dan kurang inklusif, sekali gus gagal menangani isu peningkatan kos sara hidup secara tuntas.

Dalam usaha menangani tekanan ini, peranan negara menjadi faktor utama dalam mengimbangi impaknya. Negara melaksanakan mekanisme perlindungan sosial yang bertujuan meringankan kesan kenaikan kos hidup terhadap golongan berpendapatan rendah. Pendekatan ini tidak terhad kepada kelas pekerja sahaja, tetapi turut merangkumi sektor tidak formal secara lebih tuntas dan inklusif. Pengeluaran KWSP dan pengenalan inisiatif berbentuk tunai langsung turut mendorong wacana mengenai agenda dominasi sokongan masyarakat. Fenomena ini berlaku terutamanya susulan transisi ketara dalam pertukaran tampuk pimpinan negara. Persoalannya, adakah langkah ini memberikan jaminan penyelesaian kolektif kepada isu berbangkit? Meskipun inisiatif-inisiatif ini memberi manfaat terutamanya kepada masyarakat yang kehilangan sumber pendapatan, menganggur atau mengalami pemotongan gaji, tanpa garis panduan dan penilaian risiko yang betul, maka ia boleh memberi kesan negatif kepada rakyat dan negara. Kesan mitigasi ini hanya memberi impak lebih buruk terhadap jaminan kecukupan bekalan kewangan untuk persaraan.⁵² Keadaan ini menjadi semakin rumit apabila Malaysia dijangka beralih kepada status negara menua menjelang tahun 2030, apabila 15.3 peratus daripada penduduknya terdiri daripada mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).⁵³

Isu ketidakcukupan simpanan persaraan, perlindungan yang tidak sekata dalam kalangan komuniti masyarakat, risiko pengangguran dan beberapa implikasi langsung terutamanya kesan peningkatan kos sara hidup yang semakin agresif bukanlah isu baharu. Justeru, mekanisme yang agresif amat diperlukan. Adam Firouz⁵⁴ telah menjelaskan cadangan bahawa negara perlu membina struktur sistem perlindungan sosial yang bersepadu dan inklusif, mengambil kira keterangkuman hayat, peruntukan menyeluruh dan pengurangan kesenjangan. Asasnya, sistem perlindungan sosial harus berperanan selaras dengan objektif keadilan dan kesejahteraan masyarakat berisiko dalam konteks dinamik sosioekonomi negara, sepertimana turut dibahaskan oleh Neo Ho et al.,⁵⁵ Ong Fong Sim & Tengku Aizan Hamid,⁵⁶ dan Sity.⁵⁷

Rasionalisasi KWSP sebagai Sistem Perlindungan Sosial Baharu

Rasionalnya, simpanan adalah usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pengurusan tabungan yang cekap. Pendekatan ini adalah sebagai sebahagian daripada sistem perlindungan sosial yang meliputi pelbagai aspek melalui pengelolaan yang cekap dan berkesan.⁵⁸ Jelas, simpanan menjadi benteng kemiskinan hari tua dan alat siap siaga yang berperanan penting dalam menyediakan keselamatan kewangan dan perlindungan jangka panjang.⁵⁹ Komponen penting dalam sistem perlindungan sosial mencakupi dana pencen, insurans sosial dan program simpanan komuniti terutama kepada golongan mudah miskin.⁶⁰ Namun dalam konteks kerentanan kos sara hidup yang melonjak, rakyat kini semakin menghampiri garis kemiskinan. Sebelum ini, Alston⁶¹ menerusi pemerhatiannya melaporkan bahawa pengukuran kadar kemiskinan yang digunakan pada masa ini tidak sepenuhnya mencerminkan realiti sebenar kehidupan rakyat, khususnya dalam konteks peningkatan kos sara hidup dan ketidakseimbangan pendapatan. Ungku Abdul Aziz⁶² telah lebih awal mengesan punca kemiskinan orang Melayu yang mana dipengaruhi besar empat faktor dominan. Empat faktor tersebut ialah produktiviti yang rendah dalam kalangan tenaga kerja, berleluasanya bentuk eksploitasi dan pemangsa sosial, pengabaian terhadap keperluan komuniti rentan, serta orientasi dasar kerajaan yang cenderung memihak kepada pembangunan berasaskan bandar. Kesenjangan yang meresahkan rakyat akibat kenaikan kos sara hidup menyebabkan berlakunya konflik antara kelangsungan hidup dan tabungan masa hadapan. Maka, KWSP dituntut untuk berfungsi dengan lebih kreatif.⁶³ Ketidaktentuan ini semakin meruncing apabila polisi membenarkan pengeluaran caruman pencen KWSP di kemuncak pandemik COVID-19 sebagai pilihan terakhir.⁶⁴

Dalam dekad yang menyaksikan peningkatan kos sara hidup, ketidaktentuan ekonomi dan perubahan drastik global, KWSP memainkan peranan kritikal sebagai institusi perlindungan sosial yang responsif terhadap realiti semasa. Ditinjau dalam konteks perlindungan sosial, pengenalan Akaun Fleksibel KWSP (Akaun 3) menandakan satu anjakan penting dalam struktur simpanan persaraan di Malaysia. Berkuatkuasa 11 Mei 2024, 16.07 milion pencarum KWSP bebas untuk memilih struktur baharu atau kekal dengan struktur caruman sedia ada,⁶⁵ Berdasarkan laporan KWSP,⁶⁶ setakat 22 Mei 2024 RM8.78 bilion telah dipindahkan melibatkan 2.86 juta permohonan pindahan amaun dari Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel. Manakala, sebanyak 3.04 juta permohonan Pengeluaran Akaun Fleksibel telah diluluskan melibatkan jumlah sebanyak RM5.52 bilion.

Refleksi yang dicatatkan jelas memperlihatkan tiga perspektif teras yang menuntut penelitian lebih mendalam. Pertamanya, majoriti pencarum KWSP menunjukkan kecenderungan untuk memanfaatkan keanjalan yang ditawarkan melalui struktur baharu Akaun Fleksibel. Keduanya, secara tidak langsung ia mengukuhkan tanggapan akan wujudnya keperluan mendesak dalam kalangan pencarum untuk mengimbangi simpanan hari tua dengan keperluan kewangan jangka pendek, terutamanya dalam konteks kos sara hidup yang semakin meningkat. Ketiganya, pola ini memberi isyarat bahawa KWSP bukan lagi berfungsi secara terhad sebagai instrumen tabungan persaraan semata-mata, tetapi semakin menonjol peranannya sebagai penampun kewangan mikro yang responsif. Walaupun begitu, kebolehsuaian ini juga memberikan isyarat cabaran kepada keutuhan simpanan masa hadapan jika corak pengeluaran tidak diimbangi dengan strategi penambahan caruman atau insentif penjimatan baharu.

Dari sudut reka bentuk, Akaun Fleksibel membolehkan pencarum mengakses sebahagian simpanan pada bila-bila masa mengikut kesesuaian keperluan.⁶⁷ Konsep dan struktur baharu Akaun 3 adalah berbeza daripada struktur tradisional KWSP yang menekankan simpanan untuk kegunaan selepas persaraan. Langkah ini muncul sebagai respons dasar yang bersifat pragmatik terhadap asakan dan tekanan kos sara hidup yang semakin meruncing. Hal ini tampak berhadapan kerumitan dalam tempoh pasca-pandemik apabila sebahagian besar pencarum masih berhadapan dengan cabaran

ketidacukupan tunai untuk perbelanjaan keperluan asas.

Analitiknya, pendekatan ini mencerminkan KWSP sebagai aktor institusi di bawah rangka kapitalisme negara cuba menyesuaikan fungsi tradisinya dengan realiti sosioekonomi semasa. Dengan kata lain, Akaun Fleksibel memperlihatkan penyesuaian instrumen perlindungan sosial kepada tekanan makroekonomi, di samping mencetuskan perbincangan mengenai keseimbangan antara kecukupan kewangan (*financial adequacy*) selepas persaraan dan keperluan mendesak semasa rakyat. Pengeluaran khas yang melebihi RM100 bilion dari tahun 2020 hingga 2022 serta pelancaran Akaun Fleksibel pada 2024 menjadi manifestasi keanjalan institusi dalam menghadapi krisis.⁶⁸

Hasil Kajian dan Perbincangan

Kedudukan Negara dalam Tadbir Urus Perlindungan Sosial

Dalam konteks serantau, peranan negara Malaysia menonjol melalui usaha mengarusperdanakan agenda perlindungan sosial serta memperkukuh tadbir urus domestik berasaskan pendekatan kolektif serantau. Berpaksi kepada tema pengalaman global dan kedudukan Malaysia, diperincikan intipati pandangan peserta FGD (homogen) dalam konteks perbandingan amalan sistem perlindungan sosial antara negara maju dan membangun menerusi pementakan Jadual 3 yang diperincikan seperti berikut:

Jadual 3: Rumusan Dapatan Sesi FGD (Homogen)

Tema	Inti pati pandangan	Penekanan
Pengalaman global (Jerman)	Tekanan kapitalisme dan cabaran demografi penduduk menuai kian mengancam kemampuannya.	Cabaran mengekalkan prinsip solidariti di tengah tekanan ekonomi liberal.
	Wujud jurang migrasi dan birokrasi mengekang akses golongan rentan serta melemahkan ketenterangan sosial.	Perlindungan sosial inklusif perlu diiringi tadbir urus efektif.
	Insurans kesihatan universal namun berstrata; insurans swasta memberi akses lebih cepat berbanding awam.	Reka bentuk dasar perlu adaptif dengan realiti demografi.
	Menekankan caruman bersama (<i>one for all</i>) dan perkongsian risiko antara generasi; sistem bulanan kurangkan risiko pencarum kehabisan simpanan.	Kekuatan pendekatan solidariti generasi berbanding simpanan sendiri semata-mata.
Kedudukan Malaysia	KWSP berkonsepkan individualistik (manfaat persaraan tidak setara).	Penstrukturan semula diperlukan
	Legasi kolonial membentuk jurang pencen: ketidakseimbangan etnik, pendapatan dan peluang pekerjaan.	Beban sejarah.

Sumber: Disintesis pengkaji, 2024.

Menelusuri tema rancangan pembangunan negara sejak pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, peranan negara tidak lekang meletakkan agenda rakyat sebagai keutamaan malah lebih diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) dan ke hadapan. Peningkatan komitmen terhadap kesejahteraan dan ketenterangan sosial masyarakat menunjukkan bahawa negara berusaha untuk membangun sistem perlindungan sosial yang lebih mampan dan inklusif dilaksanakan sederhana melalui strategi-strategi yang disusun selari dan selaras dengan agenda nasional dan global.

Tiga fasa pembangunan sosial di Malaysia sejak merdeka sehingga tahun 2020⁶⁹ sepertimana Jadual 4.

Jadual 4: Fasa Pembangunan di Malaysia⁷⁰

Fasa	Tempoh	Rancangan Pembangunan	Fokus	Pencapaian
Pertama	1957 hingga 1969	Rancangan Malaya Pertama, Rancangan Malaya Kedua, Rancangan Malaysia Pertama	Ekonomi	Kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, mengurangkan ketidakstabilan ekonomi, mengurangkan kadar pengangguran, mengimbangi agihan pendapatan dan kekayaan secara lebih saksama.
Kedua	1970 hingga 1980	Dasar Ekonomi Baru, RMK2–RMK5,	Pembasmian kemiskinan	Peralihan sektor pertanian kepada → Perindustrian → teknologi maklumat → masyarakat berpengetahuan
		Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP)	Masyarakat dan Menyusun semula Masyarakat	teknologi maklumat masyarakat berpengetahuan
Ketiga	1991 hingga 2020	Dasar Pembangunan Nasional (DPN), RMK6–11, Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP2–3)	Kesaksamaan antara kaum	Peningkatan taraf sosioekonomi rakyat yang kurang berada, khasnya golongan bumiputera, komuniti kelas menengah bumiputera

Sumber: Zainudin, M.Z., Omar, R. & Jumri, I.A. 2013. Implementasi Dasar Sosial dan Impak Kepada Pembangunan Komuniti di Malaysia.

Menerusi rumusan jadual di atas, peranan negara berperanan terus-menerus dalam mengangkat perlindungan sosial dan kesejahteraan rakyat sebagai antara agenda terpenting. Trajektori landskap pelan pembangunan itu menunjukkan evolusi keutamaan dengan peralihan daripada mengubah ekonomi (RMK10) kepada pertumbuhan berpaksikan rakyat (RMK11) dan tumpuan kepada keluarga Malaysia bersatu (RMK12). Kesenambungan tersebut dapat diperhatikan dalam objektif tertentu, seperti pembangunan inklusif, penggunaan teknologi dan amalan mampan menunjukkan kematangan pendekatan yang komprehensif, menangani tadbir urus, pertumbuhan ekonomi, kebajikan sosial, teknologi dan sepertimana rumusan penekanan tema dan fokus dalam Jadual 5.

Jadual 5: Tema dan Fokus RMK10 hingga RMK-13

Rancangan Pembangunan	Tahun Pelaksanaan	Tema	Fokus
RMK10	2011–2015	Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampunan	Pembangunan yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampunan
RMK11	2016–2020	Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat	Menfokuskan kepada enam teras strategik dan enam pemacu perubahan yang akan melaksanakan usaha untuk merealisasikan matlamat Malaysia menjadi negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020
RMK12	2021–2025	Keluarga Malaysia	Memperkuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti, melonjakkan kemampunan, membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimgunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan, dan memperkuh perkhidmatan
RMK13	2026–2030	Kesejahteraan Inklusif menerusi Malaysia MADANI	Memperkuh dasar perlindungan sosial, mereformasi sistem persaraan, menangani kemiskinan secara multidimensi, mengurus kos sara hidup melalui subsidi bersasar, dan memperkuh tatakelola MADANI bagi agihan kekayaan yang adil serta telus

Sumber: Disintesis pengkaji, 2025 daripada petikan dokumen RMK10, RMK11, RMK12 dan RMK13.

Merujuk kepada penganalisaan dokumen Rancangan Malaysia dalam konteks pembangunan sistem perlindungan sosial, matlamat Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) hingga Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) menunjukkan peningkatan komitmen terhadap kesejahteraan dan keterangkuman sosial berdasarkan kepada tiga titik utama. Pertama, RMK10 (2011–2015): RMK10 menekankan pembangunan yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampunan. Penekanan ini menggagaskan keinginan untuk memastikan semua rakyat mendapat manfaat dari pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial. Kedua, RMK11 (2016–2020): RMK11 memberikan lebih tumpuan kepada ekonomi rakyat, di mana rakyat menjadi tunjang dan keutamaan dalam semua usaha pembangunan negara. Produktiviti dan inovasi menjadi tonggak utama dalam RMK11. RMK11

juga merupakan langkah kritikal dalam peta laluan perjalanan Malaysia menjadi negara maju yang inklusif dan mampan.

Ketiga, RMK12 (2021–2025): RMK12 dijayakan dengan inisiatif kemakmuran bersama berasaskan tiga dimensi, iaitu pemerikasaan ekonomi, kemampanan alam sekitar serta perekayasaan sosial. RMK12 juga disokong oleh alat dasar dan tadbir urus, dan dijayakan dengan SDG 2030 di bawah Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Secara keseluruhan, matlamat RMK10 hingga RMK12 menunjukkan bahawa Malaysia berusaha untuk membangunkan sistem perlindungan sosial yang lebih mampan dan inklusif, dengan penekanan pada peningkatan kesejahteraan dan keterangkuman sosial. Malah, dalam RMK13, naratif berkenaan perlindungan sosial terus menjadi antara agenda dan tema utama negara dalam kerangka menjamin kehidupan wajar dan berrmaruah. Perkara ini iaitu peranan negara di Malaysia sentiasa berada di garis hadapan untuk memastikan bahawa semua rakyat mendapat manfaat dari pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial.

Seiring dengan peningkatan kos sara hidup yang rata-rata memberi kesan kepada lapisan masyarakat walaupun berbeza impak telah menjadikan agenda pengukuhan jaringan perlindungan sosial negara sebagai alat penimbang yang ketara. Menyedari dan memahami kegusaran situasi semasa, peranan negara kekal komited mencari solusi terbaik bagi mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup dengan pelbagai pendekatan termasuk meraikan pandangan serta cadangan umum ke arah keterangkuman solusi yang komprehensif dan inklusif. Pelan strategik dan peta laluan dalam mengangkat kekuatan sejahtera sosioekonomi menerusi kemampanan sistem perlindungan sosial di Malaysia juga turut diteruskan di bawah kepimpinan Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri menerusi penerapan gagasan konsep Malaysia MADANI.

Di sebalik usaha-usaha ini, Malaysia seperti kebanyakan negara membangun yang lain turut berhadapan dengan cabaran dalam usaha memastikan keterangkuman dan keutuhan sistem perlindungan sosialnya. Perubahan landskap ekonomi dan sistem perlindungan sosial negara mengikut peredaran fasa telah memberi kesan kepada segenap lapisan masyarakat terutama golongan pertengahan. Perubahan dalam alur ekonomi antara impak ketara yang jelas kepada masyarakat, terutamanya kepada golongan pertengahan. Kesan ini melemahkan usaha kerajaan untuk mengekalkan keseimbangan sosioekonomi yang telah dipupuk sejak era pasca-kemerdekaan, disebabkan oleh tekanan kos hidup yang meningkat dan ketidakseimbangan peluang ekonomi. Hal ini memunculkan kritikan tajam yang mempersoalkan keberkesanan dasar kerajaan ketika itu yang tidak menggambarkan ketulenan dalam aspek pengurusan kebajikan. Dasar kerajaan diperolokkan seakan masih dipengaruhi sistem naungan (patronage) dan lemah dalam menunjukkan kesungguhan sebenar bagi menangani isu berlarutan⁷¹. Tambahan, keberkesannya juga sering terjejas akibat ketidaksempurnaan dalam tadbir urus, ketidakstabilan dan kekerapan perubahan dasar serta tekanan politik yang menghambat ketekalan dalam pelaksanaan.⁷²

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kelemahan dalam struktur dasar serta tiada keselarasan pelaksanaannya tidak hanya berkisar pada isu tadbir urus semata-mata, tetapi turut memberi kesan mendalam terhadap keseimbangan sosioekonomi negara. Dasar yang dibentuk tanpa penilaian berasaskan hasil sebenar telah mewujudkan jurang antara hasrat negara (sebagai aktor pembangunan) dengan keberkesanan pelaksanaannya di lapangan. Dalam konteks ini, peranan negara sebagai pelindung dan pemacu kesejahteraan sosial belum berfungsi secara menyeluruh, khususnya dalam menangani kelompok masyarakat yang berada di luar jaringan sistem formal. Sebagai perbandingan, peranan negara dapat diperhatikan melalui penglibatan kerajaan Amerika Syarikat dalam keselamatan kesihatan dan penggubalan dasarnya, di mana proses pembuatan dasar dan interaksi antara agensi kerajaan dilaksanakan secara lebih terkoordinasi bagi meningkatkan keberkesanan tindakan.⁷³ Kelemahan ini menonjolkan cabaran klasik dalam hubungan antara dasar dan pelaksanaan iaitu

kebergantungan kepada pendekatan bersifat atas ke bawah (*top-down*) tidak disertai dengan mekanisme pemantauan dan keberkesanan penglibatan masyarakat. Akibatnya, manfaat sistem perlindungan sosial tidak tersebar secara adil dan ramai kelompok pertengahan serta rentan terus terdedah kepada tekanan kos sara hidup dan ketidaktentuan ekonomi. Situasi ini menggambarkan kitaran yang saling berkait antara keupayaan negara mengurus dasar, kebergantungan masyarakat terhadap pekerjaan tidak formal, dan keperluan reformasi struktur perlindungan sosial yang lebih inklusif dan responsif terhadap realiti semasa.

Infante Villarroel & Alba Mariana⁷⁴ dan Uchiyama et al.⁷⁵ juga turut membahaskan bahawa isu pekerjaan tidak formal antara faktor halangan ketara yang menghadkan akses kepada skim keselamatan sosial formal dan jurang dalam penyampaian perkhidmatan. Kebergantungan kepada pendapatan harian tanpa simpanan jangka panjang menjadikan golongan ini lebih terdedah terhadap risiko luar jangka seperti isu kesihatan, pandemik, mahupun perubahan sosioekonomi yang dinamik yang mana menuntut perubahan baharu. Realiti ini turut dijelaskan oleh Salamiah Mohd Nor,⁷⁶ bahawa golongan rentan lazimnya tidak mempunyai pekerjaan tetap dan majoritinya berpendapatan rendah walaupun dasar gaji minimum telah dilaksanakan. Salamiah Mohd Nor,⁷⁷ juga menghujahkan tentang pelaksanaan gaji minimum memberi tekanan kepada majikan yang berskala kecil hingga mengurangkan tenaga kerja, sekali gus meningkatkan pengangguran dan menjejaskan kestabilan isi rumah.

Akibatnya, golongan rentan sukar menabung atau mencarum dengan KWSP dan terpaksa bergantung kepada hutang untuk kelangsungan hidup. Merenungi hujah Kuttler & Moraglio⁷⁸ dan Pfitze,⁷⁹ negara perlu memperluas capaian dan keberkesanan perlindungan sosial melalui pendekatan inklusif yang responsif terhadap perubahan ekonomi dan sosial. Tegas KRI,⁸⁰ keberkesanan sistem perlindungan sosial bergantung pada pembiayaan mencukupi serta tadbir urus telus dan bertanggungjawab. Dalam menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim, pandemik dan anjakan demografi, sistem yang adaptif dan berdaya tahan amat penting bagi menjamin pembangunan sosial mampan berasaskan amalan terbaik global.

Selaras dengan prinsip perlindungan sosial yang menekankan hak asasi manusia, keterangkuman, keadilan dan keadilan sosial, tiga dimensi utama dikenal pasti sebagai elemen penting. Dimensi falsafah, keadilan dan struktur ini seterusnya menjadi rangka rujukan yang perlu dipertimbangkan oleh negara sebagai aktor pembangunan. Pendekatan ini sejajar dengan pandangan Thomas Hobbes (1588–1679) yang menekankan perlunya negara memiliki kuasa yang kuat bagi mengekalkan ketenteraman sosial dan melindungi rakyat daripada ketidakteraturan atau anarki.⁸¹ Namun, dalam konteks moden, keseimbangan pandangan ini diimbangi oleh Locke⁸² yang menegaskan bahawa peranan negara harus terhad kepada perlindungan hak asasi manusia seperti kebebasan, harta dan kelangsungan hidup individu. Justeru, dalam realiti pembangunan kontemporari, negara perlu berperanan bukan hanya sebagai pelindung autoritatif seperti dihujahkan Hobbes, mahupun sekadar penjaga hak individu seperti dikemukakan Locke, tetapi sebagai aktor pembangunan dinamik yang menzahirkan keseimbangan antara kuasa, tanggungjawab dan kebajikan rakyat. Abdul Rahman⁸³ turut berhujah bahawa negara dalam kapasiti ini merupakan pendiri kepada masyarakat yang sejahtera melalui pengukuhan martabat insan dan keterjaminan pembangunan negara yang inklusif. Justeru, dalam kerangka perlindungan sosial, peranan negara perlu berperanan sebagai agen yang menstrukturkan hubungan antara kuasa dan kesejahteraan sosial bagi memastikan pembangunan yang dicapai turut memperkukuh kestabilan serta keadilan sosial masyarakat.

Perbahasan ini memperlihatkan bahawa peranan negara bukan sekadar sebagai pelaksana dasar, tetapi sebagai penghubung antara keperluan tempatan dan komitmen serantau terhadap agenda kesejahteraan sosial. Melalui pelbagai mekanisme seperti kerjasama dasar, penyeragaman piawai keselamatan sosial dan penglibatan dalam inisiatif rentas sempadan, negara memperkukuh legitimasi

serta daya saing sistem perlindungan sosialnya. Tema ini seterusnya membincangkan sejauh mana kapasiti institusi negara mampu menyesuaikan diri dalam landskap perlindungan sosial serantau yang semakin bersepadu dan kompleks. Hal ini sejajar dengan pandangan Beck⁸⁴ dan Pritchard,⁸⁵ bahawa risiko moden semakin banyak berpunca daripada tindak balas dalaman masyarakat terhadap tekanan globalisasi, sekali gus menuntut intervensi negara yang lebih strategik bagi memastikan pembangunan Malaysia kekal inklusif, berdaya tahan, dan mampan. Perkembangan ini menimbulkan persoalan mendasar, apakah bentuk dan tahap peranan negara dalam memastikan KWSP berfungsi bukan sekadar sebagai penyimpan simpanan wajib, tetapi sebagai instrumen sosial yang berkesan dalam menangani risiko sosioekonomi rakyat?

Transformasi Peranan Negara melalui Institusi KWSP

Dalam wacana dan perbahasan peranan negara dalam pembangunan KWSP dan kefungsiannya sebagai perlindungan sosial golongan rentan di Malaysia jelas membuktikan bahawa peranan KWSP tidak hanya bersifat statik, tetapi juga merupakan mekanisme yang dibentuk daripada pengaruh perkembangan dan arus pembangunan global. Sejarah menunjukkan bahawa sejak penubuhannya, KWSP telah berubah seiring dengan perubahan-perubahan dalam landskap ekonomi dan sosial, baik di peringkat global mahupun serantau. Persis hasil temu bual mendalam bersama informan-informan utama mewakili pelbagai sektor serta sesi PKT yang dilakukan, beberapa tema kritikal telah dapat diangkat sebagai cerminan faktor-faktor yang membentuk evolusi KWSP dalam menyesuaikan peranannya bagi menangani cabaran kos sara hidup serta memperkukuh keberkesanan perlindungan sosial negara. Dapatan ini menjadi bukti empirikal, sekali gus mengukuhkan hujah mengenai sifat dinamik KWSP dalam konteks pembangunan sosioekonomi negara.

Dalam konteks Malaysia, tanggungjawab negara terhadap keseimbangan perlindungan sosial terzahir melalui pelbagai mekanisme seperti KWSP, PERKESO, dan skim bantuan di bawah pelbagai kementerian. KWSP khususnya menjadi instrumen penting dalam memastikan rakyat mempunyai jaminan pendapatan selepas bersara. Namun, realiti semasa menunjukkan wujud ketidakseimbangan ketara dalam tahap simpanan antara kumpulan masyarakat. Sebahagian besar ahli menghadapi kesukaran mencapai jumlah simpanan mencukupi untuk menampung keperluan persaraan, terutama kepada golongan yang bekerja dalam sektor tidak formal dan berpendapatan rendah. Keadaan ini menonjolkan cabaran utama peranan negara dalam memastikan sistem yang diwujudkan benar-benar inklusif dan tidak menyisihkan golongan rentan.

Perubahan struktur ekonomi global telah mendorong Malaysia menyesuaikan semula peranan institusinya, termasuk KWSP, daripada sekadar pengurus simpanan wajib kepada entiti yang berfungsi sebagai penampan risiko sosial. Wacana empirikal menunjukkan bahawa negara menggunakan KWSP sebagai alat strategik untuk menyeimbangkan keperluan pasaran dengan tanggungjawab sosial dalam konteks tekanan globalisasi, liberalisasi kewangan dan perubahan demografi. Transformasi ini menonjolkan dimensi baharu peranan negara iaitu daripada peranan pembangunan kepada peranan perlindungan yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Pertamanya, cabaran kos sara hidup yang semakin meningkat menuntut respons dasar yang cepat dan adaptif dalam kerangka perlindungan sosial negara. Menelusuri sudut pandangan salah seorang informan, Salamiah Mohd Nor⁸⁶ berkata "...Kalau hidup pun sukar untuk diteruskan, maka simpanan juga tak ada lah. Apatah lagi mencarum dengan KWSP ataupun apa-apa tabungan...". Malah, isu kos sara hidup juga bukan sesuatu yang asing dalam wacana dasar sosial negara kerana ia menjadi faktor utama yang menentukan keupayaan isi rumah untuk memenuhi keperluan harian dan kemampuan untuk menabung bagi jaminan masa depan. Hal ini ditambah oleh Nadzim Johan⁸⁷ dengan tegas menjelaskan bahawa dimensi kritikal wujud apabila kos sara hidup sukar untuk diturunkan

disebabkan oleh kawalan ekonomi yang dikuasai oleh kartel, sindiket kapitalis, dan manipulasi pasaran oleh golongan berkepentingan. Demikian, cabaran kos sara hidup bukan sekadar berpunca daripada faktor pasaran semata-mata, tetapi turut menggambarkan cabaran struktur dalam tadbir urus ekonomi yang memerlukan intervensi dasar sosial yang lebih menyeluruh dan berasaskan prinsip keadilan pengagihan. Dalam konteks ini, peranan negara melalui institusi seperti KWSP menjadi semakin signifikan bagi menyeimbangkan tekanan kos sara hidup dengan keperluan menjamin perlindungan sosial yang mampan kepada rakyat.

Kedua, transformasi dan evolusi kefungsi KWSP telah bertindakbalas secara dinamik terhadap tekanan sosioekonomi khususnya dalam era pasca-pandemik dan ketidakpastian ekonomi global. Pendekatan ini memperlihatkan peralihan paradigma daripada fungsi tradisional KWSP sebagai institusi simpanan jangka panjang kepada entiti yang turut berperanan sebagai penyerap risiko kewangan mikro semasa krisis, sejajar dengan prinsip perlindungan sosial adaptif. Seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Ahmad Zulqarnain Onn bahawa reformasi struktur akaun KWSP bertujuan memperkukuh keupayaan ahli mengimbangi keperluan kewangan semasa dengan kepentingan simpanan persaraan.⁸⁸ Sebagai contoh, pengenalan Akaun Fleksibel KWSP mencerminkan anjakan penting dalam sistem simpanan persaraan Malaysia. Langkah ini sebagai usaha transformasi KWSP daripada sekadar institusi tabungan persaraan kepada penampan risiko kewangan mikro yang lebih responsif, namun turut menimbulkan hambatan terhadap keutuhan simpanan masa hadapan sekiranya tiada strategi caruman dan penjimatan baharu diperkenalkan.

Jika ditinjau mutakhir ini, KWSP merancang untuk melaksanakan mekanisme pembayaran mengikut bulanan kepada ahli selepas bersara. Walaupun cadangan mekanisme simpanan persaraan dan pencen persaraan yang diumumkan masih di peringkat kajian, namun cadangan ini mempertaruhkan satu lagi tindak balas KWSP terhadap permasalahan ketidakpastian tabungan menuju persaraan. Dalam penjelasan Amir Hamzah Azizan di Persidangan Cukai Kebangsaan (NTC) 2025 menerusi media elektronik Berita Harian, peralihan sistem seumpama pencen yang menyalurkan simpanan secara berperingkat dilihat lebih mampan untuk negara. Pendekatan ini, menurutnya, mampu menjamin kecukupan simpanan pencarum pada usia persaraan serta mengelakkan risiko kehabisan dana dalam jangka panjang.⁸⁹

Maka, KWSP tidak boleh lagi dilihat semata-mata sebagai institusi pelaburan, sebaliknya perlu berperanan sebagai agen sosial yang menyumbang secara langsung dan berstruktur kepada kesejahteraan rakyat. Pendekatan responsif KWSP melalui pengeluaran khas dan pembentukan Akaun Fleksibel merajut segala usaha untuk menyesuaikan diri dengan tekanan kos sara hidup, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai keberimanasian serta tadbir urus berorientasikan rakyat. Meskipun begitu, langkah-langkah ini menuntut penelitian terhadap kesan jangka panjang terhadap corak simpanan, jurang ketidaksamaan antara kumpulan pendapatan, dan keberkesanan KWSP dalam mengekalkan peranannya sebagai tabung persaraan negara.

Negara juga perlu memperkukuh keupayaan institusinya bukan hanya dalam aspek pentadbiran, tetapi juga dalam perancangan strategik jangka panjang. Hal ini termasuk memperluas liputan perlindungan sosial kepada kelompok yang berada di luar sistem rasmi, memperkemas struktur bantuan agar lebih bersasar, serta memperkukuh mekanisme pemantauan keberkesanan dasar. Dalam era kerencaman globalisasi dan ketidakpastian ekonomi dunia, sistem perlindungan sosial tidak boleh kekal statik. Ia perlu bersifat adaptif dan tangkas, menyesuaikan diri dengan perubahan struktur pekerjaan, demografi dan teknologi. Justeru, pembinaan sistem yang seimbang tidak hanya bergantung kepada kekuatan fiskal semata-mata, tetapi menuntut kebijaksanaan negara untuk menggabungkan nilai kemanusiaan, prinsip keadilan sosial dan matlamat pembangunan yang lestari. Dengan demikian, perlindungan sosial yang seimbang bukan sekadar aspirasi normatif, tetapi manifestasi kepada keupayaan sebenar negara dalam memimpin pembangunan yang berpaksikan

kesejahteraan rakyat.

Berdasarkan dapatan yang dapat disimpulkan adalah jelas bahawa evolusi KWSP tidak berlaku secara terasing, sebaliknya dibentuk oleh interaksi kompleks antara faktor dalaman dan luaran. Tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, digandakan lagi dengan pengalaman krisis ekonomi dan kesan pandemik, telah mendesak perubahan segera dalam aspek pengeluaran. Pada masa yang sama, pengaruh globalisasi dan arus pembangunan serantau menuntut inovasi berterusan dalam pengurusan dana dan strategi pelaburan. Secara kolektif, faktor-faktor ini menjelaskan bagaimana perlindungan sosial melalui KWSP berevolusi selaras dengan tuntutan semasa, sambil mengekalkan peranannya sebagai teras keselamatan sosial negara. Hujah faktor-faktor pembentuk evolusi perlindungan sosial KWSP dan hubungkait kerangka teori dirumuskan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Rumusan Faktor-Faktor Pembentuk Evolusi Perlindungan Sosial KWSP dan Hubungkait Kerangka Teori

Tema Utama	Faktor Pembentuk	Pandangan Informan	Interpretasi	
			Implikasi terhadap evolusi KWSP	Hubungkait kerangka teori Peranan negara
Penyesuaian Mekanisme Simpanan dan Pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tekanan kos sara hidup dan krisis ekonomi ▪ Respons terhadap krisis (inisiatif pengeluaran khas, bantuan kecemasan dan pelonggaran syarat semasa pandemik) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kenaikan kos sara hidup, terutamanya selepas pandemik, memaksa KWSP melonggarkan akses simpanan pencarum ▪ Pelaksanaan inisiatif membenarkan akses fleksibel kepada simpanan ahli 	Peralihan fungsi daripada semata-mata simpanan persaraan kepada instrumen sokongan kecairan jangka pendek bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup	Menunjukkan fungsi negara sebagai fasilitator bantuan segera melalui institusi kewangan sosial
Diversifikasi Pelaburan dan Strategi Pulangan	Pengaruh global dan arus pembangunan serantau	Migrasi dan lambakan tenaga buruh asing merencatkan peluang pekerjaan dan menjejaskan kuasa kepenggunaan masyarakat	Dipacu oleh perubahan struktur ekonomi global yang memerlukan inovasi produk dan strategi pelaburan	Penyesuaian institusi negara terhadap perubahan global
Inovasi Produk dan Skim Perlindungan	Keperluan flesibiliti mekanisme simpanan	Kawalan yang lebih besar ke atas dana dan tidak hanya untuk persaraan	Mencerminkan perubahan aspirasi sosial dan ekonomi masyarakat, yang memerlukan KWSP menyesuaikan mekanisme akaun agar lebih anjal dan responsif	Menyediakan rangka perlindungan menyeluruh, efektif dan produktif

Sumber: Disintesisikan pengkaji, 2025.

Demikian itu, transformasi struktur KWSP mesti diiringi dengan penilaian semula reka bentuk tadbir urus dasar sosial agar institusi ini dapat terus mengimbangi antara tanggungjawab fiskal dan sosial. Dalam konteks yang lebih luas, penyelarasan antara dasar perlindungan sosial negara dengan fungsi institusi seperti KWSP menjadi semakin penting supaya intervensi jangka pendek tidak mengorbankan matlamat jangka panjang untuk memperkukuh ketahanan kewangan rakyat. Justeru, kebergantungan berlebihan terhadap KWSP sebagai alat dasar fiskal perlu dinilai semula agar tidak menjejaskan aspirasi besar RMK13 yang mengangkat keperluan reformasi perlindungan sosial yang bersifat inklusif, mampan dan adil merentas lapisan masyarakat.

Kesimpulan

Perlindungan sosial yang seimbang antara ideal dan realistiknya dalam memenuhi tuntutan kesempurnaan sosioekonomi rakyat menjadi hasrat dan idaman negara sebagai aktor pembangunan. Konsep ideal dan realistik dalam peningkatan menerusi landasan ini bukan sekadar merujuk kepada perlindungan terhadap risiko kewangan atau sosial semata-mata, tetapi turut menzahirkan tanggungjawab moral dan institusi negara terhadap rakyatnya. Negara sebagai aktor pembangunan perlu memainkan peranan menyeluruh yang bukan hanya sebagai pembuat dasar, tetapi juga sebagai pengimbang antara keperluan pasaran dan kesejahteraan manusia. Namun, kesempurnaan struktur dan sistem perlindungan sosial tidak wujud secara seragam. Hal ini bergantung kepada kekuatan fiskal, kestabilan politik, keutuhan sosial serta latar budaya yang membentuk keunikan setiap negara. Dalam konteks pembangunan moden, perlindungan sosial yang benar-benar berkesan menuntut keseimbangan antara idealisme dasar dan realiti pelaksanaannya. Keseimbangan yang dimaksudkan memerlukan kebijaksanaan negara untuk menilai semula pendekatan tradisional dan menyesuainya dengan cabaran global serta keperluan semasa masyarakat.

Peranan negara dalam membina sistem perlindungan sosial yang mampan harus dilihat sebagai suatu tanggungjawab strategik. Negara bukan sekadar entiti pentadbiran, tetapi penggerak utama dalam memastikan kesejahteraan rakyat diterjemahkan melalui dasar yang adil dan inklusif. Di sinilah letaknya dimensi dinamik antara kuasa negara, pasaran dan masyarakat sebagai benang jeluju yang saling bergantung namun sering kali tidak seimbang. Negara yang mempunyai visi pembangunan sosial yang jelas akan menggunakan keupayaan dasar dan institusinya untuk meminimumkan ketidaksamarataan, menggalakkan keadilan sosial serta menstabilkan struktur ekonomi domestik. Namun, apabila dasar hanya bersifat retorik tanpa mekanisme pengukuhan yang jelas, maka matlamat keseimbangan sosial sukar dicapai. Oleh itu, pendekatan terhadap perlindungan sosial perlu difahami sebagai satu proses yang berkembang, bukan sekadar rangkaian program bantuan atau skim simpanan.

Oleh yang demikian, evolusi KWSP di bawah kefungisian negara dapat direnungi sebagai pelindung dan pengimbang dalam sistem perlindungan sosial. Negara berfungsi bukan sekadar sebagai penggubal dasar, tetapi juga sebagai pemantau dan penyelarasan yang memastikan keseimbangan antara keperluan pasaran dengan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Tuntas, peranan negara menjadi semakin signifikan untuk memastikan institusi seperti KWSP kekal berdaya tahan dan inklusif, sejajar dengan aspirasi pembangunan mampan dan keadilan sosial. Justeru, keberhasilan KWSP sebagai instrumen perlindungan sosial akhirnya mencerminkan sejauh mana negara berjaya menata semula tanggungjawabnya dalam melindungi rakyat daripada risiko ekonomi marcapada.

Nota

¹ United Nations, *Universal Declaration of Human Rights*, United Nations Publication, 2017.

² International Labour Organization, *C102 Social Security (Minimum Standards) Convention*, 1952, International Labour Organization, 2008.

³ Paolo Brunori and Maureen O'Reilly, *Social Protection for Development: A Review of Definitions*, European University Institute, Firenze, Italy, December 2010.

⁴ S. Irudaya Rajan and S. Prasad, "Pensions and Social Security in India," in *Institutional Provisions and Care for the Aged*, ed. I. Rajan, C. Risseeuw, and M. Perera, 1st ed., Anthem Press, 2012, pp. 115–133.

⁵ Stephen Devereux and Rachel Sabates-Wheeler, *Transformative Social Protection*, The Institute of Development Studies and Partner Organisations, Working Paper Series No. 232, 2004, pp. 1–36.

⁶ Zainab S. Masanyiwa, Elin S. Mosha, and Sophia F. Mamboya, "Factors Influencing Participation of Informal Sector Workers in Formal Social Security Schemes in Dodoma City, Tanzania," *Open Journal of Social Sciences*, 8, no. 6, 2020, pp. 229–242.

⁷ Mohd Nadzri F. S. Hameed, "Keperluan Sistem Perlindungan Sosial Berasaskan Komuniti dalam Kalangan Pesawah di Kawasan Pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)," *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*, 2017, pp. 713–721.

⁸ Shaffa Hameed, L. M. Banks, S. K. Usman, and H. Kuper, "Access to the Disability Allowance in the Maldives: National Coverage and Factors Affecting Uptake," *Global Social Policy*, 23, no. 1, 2023, pp. 127–147.

